



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN AWAM MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BIL. 1/2026 PADA HARI ISNIN, 13 APRIL 2026

1. Hendaklah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas.
2. **DIGALAKKAN** Pemakaian Pelitup Muka
 - 2.1. Kepada individu yang bergejala respiratori
 - 2.2. Individu yang berisiko tinggi seperti warga emas, individu yang berpenyakit kronik, individu dengan imuniti rendah atau ibu mengandung.

Penggunaan *Hand Sanitizer*

- 2.3. Menggunakan *hand sanitizer* kepada petugas, pembida, pembantu dan orang ramai yang hadir semasa acara lelongan.

Penjarakan sosial

- 2.4. Mengamalkan penjarakan sosial semasa aktiviti lelongan dilaksanakan.

Tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

3. **HANYA PEMBIDA BERDAFTAR SAHAJA** dibenarkan memasuki kawasan acara lelongan diadakan.
4. Lelongan adalah berdasarkan pembidaan melalui tawaran bidaan tertinggi dari harga rizab atau harga yang ditentukan oleh Pelelong.
5. Pembida/Pembeli yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran secara **TUNAI/KAD KREDIT/KAD DEBIT/QRPAY** sepenuhnya pada hari lelongan.
6. Barang-barang yang dilelong adalah seperti sedia ada sebagaimana yang dipamer untuk lelongan.
7. Urusan pengangkutan barang lelongan adalah tanggungjawab pembida/pembeli yang berjaya itu sendiri.
8. Barang-barang yang telah dilelong/dibeli perlu dijelaskan bayaran pada atau sebelum **jam 3.30 petang, 13 April 2026 (Isnin)**.
9. Barang-barang yang telah dilelong/dibeli dan telah dijelaskan bayaran hendaklah **dituntut sebelum atau pada jam 5.00 petang, 17 April 2026 (Jumaat)**.

10. Kegagalan menuntut/mengambil barang-barang dalam tempoh yang ditetapkan akan dianggap **TERBATAL** dan wang pembelian **TIDAK** akan dikembalikan.
11. Majlis **TIDAK AKAN MENANGGUNG** sebarang kerugian di atas kerosakan dan/atau kehilangan barang-barang sebelum/semasa/selepas lelongan dan selepas tamat tempoh tuntutan barang-barang yang telah dilelong.
12. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** jika terdapat kekhilafan pada gambar-gambar paparan dalam laman sesawang dan/atau mana-mana paparan pemberitahuan dengan barang-barang yang dilelong.
13. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa tindakan dan/atau pendakwaan kesalahan bagi barang-barang yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
14. Majlis **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** atas apa-apa risiko penyakit berjangkit daripada barang-barang yang telah dilelong selepas tarikh lelongan.
15. Barang-barang yang telah dibida **TIDAK BOLEH** dipulangkan kepada Majlis.
16. Majlis berhak membuat apa-apa keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah berkaitan dengan lelongan dan keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD.**